


KOD ETIKA PAKAIAN GRADUAN

1. Etika Berpakaian semasa Istiadat Konvokesyen
 - Graduan TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri Istiadat Konvokesyen sekiranya tidak mematuhi kod pemakaian yang diberikan.
 - Untuk Graduan Perempuan Non-Muslim, rambut perlu diikat dengan kemas.
 - Sila sediakan *safety pin* yang kecil / sederhana @ jarum, peniti untuk dilekatkan pada pakaian konvo agar kelihatan kemas.
2. Pemakaian Graduan Lelaki:
 - Graduan beragama Islam digalakkan berpakaian kebangsaan lengkap berwarna hitam (baju, seluar, berbutang, sampin serta kasut kulit berwarna hitam) atau
 - Baju kemeja lengan panjang berwarna putih, berseluar *slack* hitam / gelap dan bertali leher. Pemakaian Blazer adalah diwajibkan.
 - Graduan kaum Sikh dibenarkan memakai turban. Hanya turban berwarna hitam dibenarkan.
 - Graduan tidak dibenarkan memakai tali bow (*bowtie*).
 - Berambut pendek, kemas dan tidak diwarnakan.




Rajah 1 : Contoh Pemakaian Graduan Lelaki

3. Pemakaian Graduan Perempuan:
 - Graduan Wanita dibenarkan memakai Baju Kurung/Kebaya/pakaian kebangsaan mengikut bangsa. Pakaian perlulah bersesuaian dengan protokol Istiadat.
 - Pakaian mestilah formal dan sopan.
 - Bagi graduan muslim, tudung @ pelitup kepala pastikan tanpa corak dan pemilihan

warna adalah cerah/pastel.

- Kasut formal bertutup, berwarna hitam atau gelap dan mempunyai tumit sedikit.
- Bagi graduan bukan beragama Islam mestilah berpakaian sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak terbelah dan tidak terdedah. Sekiranya memakai skirt hendaklah labuh melepasi paras lutut dan berwarna gelap /plain.



Rajah 2: Contoh Pemakaian Graduan Perempuan